

Rodzi dilantik Ketua Pengarah MAMPU baharu

By Ahmad Shazwan Md Yusof
30 May 2023

DATUK Rodzi Md. Saad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkuat kuasa hari ini.

Mampu menerusi kenyataan berkata, Rodzi yang berusia 59 tahun dilantik bagi menggantikan Datuk Seri Dr. Yusof Ismail.

Katanya, beliau merupakan lulusan Sarjana dalam bidang Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Ijazah Sarjana Muda Demografi dan Kajian Kependudukan (Kepujian) dari Universiti Malaya.

"Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 33 tahun dan berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuklah keselamatan dan pengurusan bencana.

"Sebelum ini, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara, sejak 15 Julai 2021," katanya hari ini.

Sementara itu, Mampu turut memberikan penghargaan kepada Dr. Yusof di atas sumbangan yang ditaburkan ketika menggalas jawatan di Mampu.

"MAMPU turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Yusof atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau," katanya. – Edisi 9